

Penghayatan Adab dan Akhlak Terhadap Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Sekolah

Ajmain@Jimaain Safar^{a*}, Ab. Halim Tamuri^b, Mohd Aderi Che Noh^b

^aFakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

^bFakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: ajmain@utm.my

Article history

Received: 17 August 2011

Received in revised form:
11 November 2011

Accepted: 13 March 2012

Abstract

This paper aims to present an observation made on the practice of manners and morals towards the environment among Form Four Muslim students at two schools in the district of Johor. To achieve this, a set of sub-constructs of manners and morals towards the environment which contains a total of 20 items were used. This was taken from the Malaysia Akhlak Assessment Instruments (MyAAI). A total of 318 students participated as peer assessors with 159 others as respondents. Two assessors (as determined by the school) were paired with each respondent. The instrument reliability index was found to be high with Cronbach alpha value of 0.94 while the item reliability was 0.98 and reliability person 0.91. Results of the level of practice of manners and morals towards the environment among Muslim secondary school students are as follows: extremely excellent 16 students (10%), excellent 41 students (25.8%), good 71 students (44.7%), low 25 students (15.7%), and very weak 6 students (3.8%).

Keywords: Practice of manners and morals towards the environment; instruments of manners and morals towards the environment; level of moral appreciation; peer assessors

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk melihat penghayatan adab dan akhlak terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar Islam Tingkatan Empat di dua jenis sekolah di daerah Johor Bahru, Johor. Bagi memenuhi objektif kajian ini, sub-konstruk adab dan akhlak terhadap alam sekitar dalam instrumen Pentaksiran Akhlak Malaysia (IPAM-RS) yang mengandungi sebanyak 20 item adab dan akhlak terhadap alam sekitar telah digunakan. Penilaian setiap pelajar telah dilakukan oleh dua orang rakan sebaya yang ditentukan oleh guru. Seramai 318 pelajar terlibat sebagai penilai dan 159 pelajar pula pelajar yang dinilai. Indeks kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dengan alpha Cronbach 0.94. Kebolehpercayaan item 0.98 dan kebolehpercayaan person sebanyak 0.91. Hasil kajian mendapat bahawa tahap penghayatan adab dan akhlak terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar sekolah menengah berada di tahap amat cemerlang seramai 16 orang (10%); tahap cemerlang seramai 41 orang (25.8%); tahap baik seramai 71 orang (44.7%); tahap lemah 25 orang (15.7%); dan tahap amat lemah 6 orang (3.8%).

Kata kunci: Penghayatan adab dan akhlak alam sekitar; instrumen adab dan akhlak alam sekitar; tahap penghayatan adab dan akhlak; pentaksiran rakan sebaya

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

■1.0 PENDAHULUAN

Mukmin yang paling baik adalah yang paling berakhhlak (Muslim No. 2553). Sama ada berakhhlak kepada Allah mahupun kepada sesama manusia dan alam sekitar. Akhlak adalah sesuatu yang telah menjadi tabiat atau kebiasaan yang dilaksanakan dalam kehidupan seseorang.

Mengikut Mohd Nasir (2005), akhlak merujuk kepada sifat semula jadi, tabiat, adat, kebiasaan, maruah dan gaya hidup seseorang individu atau sekumpulan individu. Kebiasaan

mengikuti Ahmad Amin (1974) kemahuan yang dibiasakan dalam sesuatu tingkah laku serta diulang-ulang dan berkekalan, maka ia akan menjadi akhlak. Akhlak yang baik boleh dilihat kepada tingkah laku yang biasa dilakukan oleh seseorang; sama ada yang berhubung dengan akhlaknya terhadap Allah, akhlak

terhadap dirinya sendiri, akhlak terhadap sesama manusia maupun akhlak terhadap alam sekitar.

■2.0 LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Akhlik boleh menjadi kriteria penentu status seseorang. Manusia boleh menjadi lebih mulia atau sebaliknya boleh menjadi lebih hina daripada insan lain disebabkan akhlak (al-Ghazali, 1997). Akhlak yang sempurna merupakan aset yang sangat penting dalam keseluruhan binaan dalam Islam (Ahmad Munawar, 2009). Akhlak juga boleh menjadi penyebab kepada kelemahan dan keruntuhan sesuatu umat dan tamadun manusia. Hakikat ini dapat difahami melalui maksud firman Allah S.W.T:

“Dan Tuhanmu sekali-kali tidak akan membinasakan negeri-negeri secara zalim, sedangkan penduduknya orang-orang yang berbuat kebaikan (berakhlik mulia).”

(Surah Hud, 11: 117)

Pentingnya akhlak kerana ia menjadi inti pati penghayatan dan pengamalan Islam. Fadhilah & Muhamad (1999) menyatakan bahawa akhlak mulia menjadi penentu sama ada Islam itu diamalkan dan dihayati dengan sebenarnya atau tidak. Menurut Muhammad al-Ghazali (2005), akhlak dan budi pekerti menempati kedudukan tertinggi dalam agama Allah. Hal ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Fathi Yakan (1992) bahawa akhlak mulia itu adalah intipati bagi segala ibadat. Tanpa akhlak, ibadat yang dilaksanakan hanyalah menjadi adat resam dan gerak laku yang tidak mempunyai nilai dan faedah di sisi Allah.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

“Tidak ada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan (pada hari akhirat) selain dari akhlak yang mulia.”

Hadir riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi

Kesempurnaan akhlak kepada diri seseorang meliputi seluruh dimensi kehidupan. Jalaluddin dan Usman Said (1994) telah membahagikan akhlak Islam yang bersumberkan Al-Quran dan al-Sunnah kepada sembilan kategori utama iaitu akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap Rasul, akhlak terhadap Al-Quran, akhlak terhadap diri, akhlak terhadap kedua orang tua, akhlak terhadap anak, akhlak dalam rumah tangga, akhlak terhadap sesama manusia dan akhlak terhadap lingkungan hidup. Akhlak terhadap alam sekitar merupakan sub kategori akhlak terhadap lingkungan hidup. Seorang Muslim sewajarnya memiliki adab dan akhlak yang terpuji terhadap alam sekitar, memelihara, menghargai dan menggunakan sebaik mungkin tanpa melampaui batas. Ia adalah sebagai natijah daripada kesempurnaan akhlak terhadap Allah.

Namun begitu, sejauhmana akhlak terhadap alam sekitar dihayati oleh pelajar muslim masih amat kurang dibuat kajian. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr We Ka Siong, sepanjang tahun 2010, sebanyak 5,212 kes vandalisme yang melibatkan pelajar telah dilaporkan di seluruh Malaysia. Vandalisme ini berhubungkait dengan penyalahgunaan harta sekolah; sama ada mengakibatkan kerosakan atau pencemaran. Walaupun jumlah ini hanya mewakili sekitar 2 peratus daripada bilangan pelajar keseluruhan, namun tidak semua kes dilaporkan oleh pihak sekolah (Utusan Malaysia, 27hb Disember 2010). Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Noor Roazana Ishak

(2010) di sebuah sekolah di Kuala Lumpur terhadap 50 orang pelajar sekolah menengah tingkatan empat. Kajian beliau mendapati, seramai 34 peratus pelajar suka menconteng harta benda sekolah.

Ketidakprihatinan terhadap alam sekitar mencerminkan akhlak yang rendah. Menurut Mohd Fuad (2006), vandalisme telah dikenal pasti sebagai salah satu punca kerosakan dan kecacatan binaan pada sekolah iaitu daripada 28 pelajar yang terlibat dalam kajian tersebut, seramai 22 orang (78.6%) bersetuju bahawa kerosakan pada binaan tersebut berpunca daripada pelajar.

■3.0 AKHLAK TERHADAP ALAM SEKITAR

Alam semesta adalah amanah Allah kepada manusia untuk dimanfaatkan. Manusia diberikan tanggungjawab meneroka dan menggunakan setiap kurniaan yang wujud di alam ini dengan sebaik mungkin. Menurut Al-Qaradhwai (1980), ia meliputi amanah kepada manusia untuk menggunakan sebaik-baiknya sumber alam tanpa merosakkan sistem keseimbangan ekologi, di samping tidak membunuh haiwan tanpa sebab yang dibenarkan. Bagi al-Kaysi (1997), ia termasuk bersikap belas kasihan terhadap binatang.

Ridwan Asy-Syirbaany (2001) ketika menghuraikan akhlak terhadap alam zahir ialah dengan memanfaat dan menggunakan sumber alam ini untuk perkara yang makruf (*Surah al-Baqarah*, 2:29), menggunakan dengan kadar kecukupan dan dalam rangka menunaikan ibadah kepada Allah dan tidak berlebihan (*Surah al-Isra'*, 17:26-27), tidak melampaui batas (*Surah al-Ma'idah*, 5:87), memanfaatkan secara baik dan produktif (*Surah al-Baqarah*, 2:195) dan, dilarang melakukan kerosakan (*Surah al-Baqarah*, 2:60, *al-Qassas*, 28:77, *al-Rum*, 30:41). Mohd Nasir (2005) pula menambah, manusia sewajarnya tidak mengeksplorasi, tidak menipu, tidak melakukan monopoli, merompak, merampas juga memeras ugut apa yang ada pada alam semesta ini. Manusia perlu bersederhana dalam menggunakananya dan bermatlamatkan kepentingan bersama.

■4.0 AKHLAK PELAJAR

Pembinaan akhlak adalah menjadi matlamat utama pendidikan dalam Islam. Namun begitu, sejauh mana penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah sering kali menjadi persoalan masyarakat. Masalah keruntuhan akhlak remaja semakin parah (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Sehubungan dengan itu seringkali dipaparkan dalam dada akhbar dengan kisah keruntuhan akhlak pelajar sekolah seperti gangsterisme, pergaduhan yang melibatkan alatan tajam, dadah, pil khayal dan pergaulan bebas (Zaharah, 2008).

Walaupun usaha meningkatkan pencapaian akhlak pelajar dilakukan, namun tahap keruntuhan akhlak masih membimbangkan. Kementerian Pelajaran Malaysia (2008) merekodkan pelbagai kesalahan salah laku disiplin oleh pelajar sekolah sepanjang 2007. Sebanyak tujuh jenis pelanggaran disiplin yang sering dilakukan. Satu daripadanya adalah kesalahan laku musnah seperti merosakkan kemudahan awam. Sebanyak 3,240 kes dicatatkan sepanjang tahun 2007 di seluruh sekolah di Malaysia. Walaupun jumlah kes pelanggaran disiplin pelajar di negara ini jauh lebih rendah berbanding negara lain, Kementerian Pelajaran Malaysia tetap menganggap ia sebagai

isu yang perlu ditangani secara serius (KPM, 2008). Hal ini merupakan antara indikator kepada keruntuhan akhlak pelajar.

■5.0 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar adab dan akhlak terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar tingkatan empat di dua buah sekolah menengah di daerah Johor Bahru melalui pentaksiran yang dilakukan oleh rakan sebaya.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini secara khususnya bertujuan untuk:

- (1) Mengenal pasti penghayatan adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar berdasarkan persepsi rakan sebaya.
- (2) Membentuk profil adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar.

■6.0 METODOLOGI KAJIAN

6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menerusi kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian bagi melihat tahap penghayatan adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar. Responden kajian melibatkan pelajar tingkatan empat dan mereka ditaksir oleh rakan sebaya di tingkatan yang sama.

Pemilihan pelajar tingkatan empat untuk menyertai penyelidikan ini dibuat berdasarkan tahap kematangan umur baligh (melebihi 15 tahun) yang ditentukan sebagai had umur bagi memikul tanggungjawab syariat (Abdullah Nasih Ulwan, 1989; Ibn Qudamah, 1985). Pelajar-pelajar tingkatan empat yang telah akil baligh diandaikan mampu menilai di antara perkara yang baik dan buruk (Misnan, 2008) yang menjadi elemen utama pemungutan data dalam kajian ini. Selain itu, pelajar tingkatan empat juga dikenal pasti telah mengikuti proses pembelajaran adab dan akhlak melalui kurikulum KBSR dan KBSM selama sembilan tahun dan diandaikan mampu menghayati aspek penghayatan ajaran Islam yang telah mereka peroleh melalui kurikulum Pendidikan Islam (Azhar, 2006), khususnya dalam bab adab dan akhlak terhadap alam sekitar.

Setiap responden ditaksir oleh dua orang rakan sebaya yang berada di tingkatan yang sama, sama jantina serta telah mengenali rakan yang ditaksir sekurang-kurangnya enam bulan. Pemilihan dua orang pentaksir yang ditentukan oleh guru adalah bertujuan untuk mengelakkan faktor bias berlaku. Elton dan Johnston (2002) mencadangkan bagi mengurangkan pentaksiran rakan sebaya yang tidak adil, pentaksiran menggunakan dua orang penilai untuk setiap seorang perlu dilakukan. Ini dipersetujui oleh Aiken (2000); Cohen & Swerdlik (2002); dan Ibrahim (2007) bahawa nilai kebolehpercayaan ujian lebih tekal dengan kaedah dua orang penilai memberi skor berpandukan skema penskoran yang mana skor kedua-dua penilai dikolerasikan bergantung pada skala pengukuran yang digunakan.

Skop penghayatan akhlak dibataskan kepada aspek sifat dan tingkah laku luaran akhlak muslim ketika berinteraksi dengan alam sekitar, seperti yang digariskan secara asasnya oleh al-Quran dan al-Sunnah yang bersesuaian dengan tahap dan konteks pelajar sekolah menengah.

6.2 Populasi dan Sampel Kajian

Responden yang terlibat terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat di dua buah sekolah di Daerah Johor Bahru iaitu sebuah sekolah berasrama (mewakili sekolah berasrama) dan sebuah sekolah menengah harian (mewakili sekolah menengah harian biasa). Seramai 318 orang penilai di mana setiap dua orang akan menilai seorang serta 159 orang pula adalah responden yang dinilai.

6.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini adalah kajian lapangan yang melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik yang berkaitan dengan persepsi rakan sebaya terhadap adab dan akhlak kepada alam semesta rakan sebaya mereka ketika berinteraksi dengan alam sekitar. Analisis data kuantitatif dilaksanakan dengan menggunakan Winstep 3.68.2. Melaluiinya, Model Rasch telah digunakan bagi penentuan skala kebolehan responden dan item. Min kaliberasi item dan kebolehan responden berada pada skala yang menampung skor calon dan skor item yang boleh dihubungkan secara langsung dengan keupayaan. Menurut Model Rasch (Bond, 2007), ukuran 0 hingga +2 logit untuk orang (*person*) menunjukkan responden berkebolehan baik dan 0 sehingga -2 logit menunjukkan orang (*person*) berkebolehan rendah. Sementara skala kesukaran item 0 hingga +2 logit menunjukkan indeks semakin sukar atau item yang semakin sukar dilaksanakan oleh rakan sebaya. Ini bermakna semakin tinggi kesukaran item, semakin berkebolehan atau semakin berakhlek responden.

6.4 Instrumen

Sebanyak 20 item telah dibentuk untuk melihat perlakuan pelajar terhadap adab dan akhlak mereka kepada alam sekitar. Instrumen yang dibina adalah bersumberkan al-Quran dan Sunnah, di samping mengambil kira kandungan sukatan adab dan akhlak Islamiyah KBSR dan KBSM. Instrumen yang dihasilkan ini adalah berdasarkan temubual mendalam kepada 4 orang pakar bidang yang dikenal pasti sebagai pakar kandungan akhlak dan 6 orang pakar praktis yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam yang telah lebih 10 tahun dalam bidang berkenaan dan telah dianggap sebagai pakar dalam bidang ini oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Ia merangkumi pembabitan mereka dalam penulisan atau pengajaran (Akbariah, 2009).

Hasil temubual tersebut, lima sub konstruk adab dan akhlak terhadap alam sekitar telah dibentuk yang terdiri daripada adab dan akhlak terhadap kebersihan persekitaran, adab dan akhlak terhadap penggunaan harta awam, adab dan akhlak terhadap penjagaan harta awam, adab dan akhlak terhadap tumbuh-tumbuhan, serta adab dan akhlak terhadap haiwan.

Daripada kelima-lima sub konstruk ini, item soal selidik telah dibentuk berserta format. Setelah item disemak oleh pakar, sebanyak 20 item telah dipersejui. Instrumen yang mengandungi set soal selidik ditadbir ke atas sampel normatif sebenar yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Dua puluh item yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Kriteria adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar

Bil	Aspek	Kriteria	Sangat Tidak Kerap (STK)	Tidak Kerap (TK)	Agak Kerap (AK)	Kerap (K)	Sangat Kerap (SK)
1	Adab dan akhlak terhadap penjagaan kebersihan persekitaran	1) Mengelakkan diri dari meludah merata-rata					
		2) Mengelak dari membuang sampah merata-rata					
		3) Membuang sampah di tempat yang disediakan					
		4) Mengutip sampah yang didapati bersepeh					
		5) Membantu dan memelihara kebersihan dengan menyertai gotong royong					
2	Adab dan akhlak terhadap penggunaan harta awam	6) Menggunakan kemudahan awam seperti pondok telefon dengan cermat					
		7) Menggunakan harta awam dengan betul seperti tandas dipam selepas digunakan					
		8) Menggunakan harta awam dengan baik seperti peralatan yang ada sekolah					
		9) Menutup suis lampu atau kipas selepas digunakan					
3	Adab dan akhlak terhadap penjagaan harta awam	10) Mengelakkan diri dari merosakkan harta benda awam					
		11) Menutup suis lampu atau kipas yang tiada orang menggunakannya					
		12) Mengelakkan diri dari menconteng bangunan atau kemudahan di tempat awam					
		13) Melapor segala kerosakan harta awam kepada pihak berwajib					
		14) Mengelakkan diri daripada bersubahat merosakkan harta awam					
4	Adab dan akhlak terhadap tumbuh-tumbuhan	15) Menjaga pokok / tumbuhan yang ditanam					
		16) Mengelakkan diri mencabut atau merosakkan pokok					
		17) Mengelakkan diri dari bersubahat merosakkan tumbuhan yang ditanam					
5	Adab dan akhlak terhadap haiwan	18) Bersifat kasihan belas terhadap haiwan					
		19) Mengelakkan diri dari menyiksa binatang seperti memukul atau mencederakan					
		20) Mengelakkan diri daripada bersubahat menyiksa binatang					

■7.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan yang telah diperolehi dalam kajian ini, beberapa pemerhatian dapat disimpulkan.

7.1 Demografi Sampel

Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan sebanyak 44% (70) responden terdiri daripada pelajar lelaki dan seramai 56% (89) responden adalah perempuan yang terlibat sebagai pelajar yang ditaksir oleh rakan sebaya yang terdiri daripada dua orang pentaksir setiap seorang responden. Ini bermakna seramai 140 orang pentaksir lelaki dan 178 orang pentaksir perempuan telah terlibat memberi penilaian ke atas rakan sebaya mereka.

Jadual 2 Profil responden ditaksir

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	70	44
Perempuan	89	56
Jumlah	159	100
<u>N</u> = 159		

Taburan berdasarkan sekolah pula ditunjukkan dalam Jadual 3 iaitu seramai 123 responden yang ditaksir melibatkan

pelajar di Tingkatan 4 sekolah berasrama (SB) yang terdiri daripada 33% (53) orang pelajar lelaki dan 44% (70) orang pelajar perempuan. Sementara itu seramai (23%) 36 orang responden terdiri daripada 11% (17) orang pelajar lelaki dan 12% (19) orang pelajar perempuan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan harian (SMKH)

Jadual 3 Profil responden mengikut sekolah

Sekolah	Jantina	Kekerapan	Peratus
SB	L	53	33
	P	70	44
SMKH	L	17	11
	P	19	12
Jumlah		159	100
<u>N</u> = 159			

7.2 Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Dapatan hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi dan dapat menghasilkan ukuran yang konsisten. Ini ditunjukkan dalam Jadual 4 dan 5.

Jadual 4 Nilai kebolehpercayaan instrumen

TABLE 4: \Users\User\Desktop\Seminar Langkawi\ZOU623WS.TXT Jul 25 22:33 2011
INPUT: 318 PERSONS 20 ITEMS MEASURED: 318 PERSONS 20 ITEMS 88 CATS 3.68.2

SUMMARY OF 318 MEASURED (NON-EXTREME) PERSONS								
RAW SCORE	COUNT	MEASURE	MODEL ERROR	INFIT MNSQ	ZSTD	OUTFIT MNSQ	ZSTD	
MEAN	78.3	20.0	1.44	.33	1.04	-.1	1.00	-.2
S. D.	13.8	.0	1.24	.09	.60	1.8	.59	1.7
MAX.	99.0	20.0	4.99	1.01	4.69	6.7	4.63	6.7
MIN.	37.0	20.0	-1.82	.26	.05	-6.1	.05	-6.2
REAL RMSE	.38	ADJ. SD	1.18	SEPARATION	3.12	PERSON RELIABILITY	.91	
MODEL RMSE	.34	ADJ. SD	1.19	SEPARATION	3.49	PERSON RELIABILITY	.92	
S. E. OF PERSON MEAN	= .07							

PERSON RAW SCORE-TO-MEASURE CORRELATION = .94
CRONBACH ALPHA (KR-20) PERSON RAW SCORE RELIABILITY = .94

Daripada jadual 4, *mean person* untuk kajian ini ialah 1.44. *Mean person* ini secara umum menunjukkan kesemua responden berpandangan bahawa pelajar yang dinilai ini mempunyai adab dan akhlak terhadap alam sekitar yang baik.

Jadual 4 juga menunjukkan alfa Cronbach untuk instrumen ini ialah 0.94. Hal ini menunjukkan bahawa instrumen memiliki kebolehpercayaan yang tinggi untuk mengukur adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar. Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada sejauh mana alat pengukuran dapat menghasilkan ukuran yang konsisten (Nitko, 2003). Nilai indeks kebolehpercayaan instrumen iaitu 0.94 menunjukkan bahawa instrumen ini adalah konsisten dan stabil jika ditadbirkkan pada sampel lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan hampir

sama. Othman (2000) pula mengesyorkan nilai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima ialah antara 0.65 hingga 0.85.

Kebolehpercayaan orang (*person reliability*) juga amat tinggi iaitu 0.92. Hal ini menunjukkan sampel yang digunakan mencukupi untuk digunakan bagi membina instrumen mengukur adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar. Sementara itu, hasil daripada kajian ini juga dapat membezakan 3 kumpulan pelajar dari yang berakhhlak kepada yang kurang berakhhlak. Dapatan ini adalah selari dengan saranan Fox and Jones (1998). Linacre (2007) menyatakan indeks pengasingan item dan responden ≥ 2.0 adalah indeks yang diterima baik.

Jadual 5 Nilai kebolehpercayaan instrumen

SUMMARY OF 20 MEASURED (NON-EXTREME) ITEMS									
	RAW SCORE	COUNT	MEASURE	MODEL ERROR	INFIT MNSQ	ZSTD	OUTFIT MNSQ	ZSTD	
MEAN	1254.3	318.0	.00	.08	1.00	-.1	1.00	-.1	
S. D.	92.2	.0	.53	.01	.22	2.7	.22	2.5	
MAX.	1378.0	318.0	.97	.09	1.46	5.3	1.50	5.5	
MIN.	1059.0	318.0	-.97	.07	.73	-3.7	.74	-3.3	
REAL RMSE	.08	ADJ. SD	.52	SEPARATION	6.34	ITEM	RELIABILITY	.98	
MODEL RMSE	.08	ADJ. SD	.52	SEPARATION	6.61	ITEM	RELIABILITY	.98	
S. E. OF ITEM MEAN	= .12								

UMEAN=.000 USCALE=1.000
ITEM RAW SCORE-TO-MEASURE CORRELATION = -.89
6200 DATA POINTS. LOG-LIKELIHOOD CHI-SQUARE: 12478.69 with 5813 d. f. p=.00000.

Sementara itu, nilai kebolehpercayaan item pula 0.98. Ini menunjukkan bahawa jumlah item soalan mencukupi untuk mengukur adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar.

7.3 Profil Responden

Secara umumnya, profil responden dapat diterangkan melalui Jadual 6. Berdasarkan jadual ini, tidak ada item yang berada di atas logit 2 (item ekstrem kesukaran pelaksanaan) dan di bawah logit -2 (item paling mudah). Walau bagaimanapun, konstruk penjagaan kebersihan persekitaran dan penjagaan harta awam berada di atas garis sukar pelaksanaannya oleh pelajar (atas logit 0). Kelima-lima item bagi konstruk penjagaan kebersihan persekitaran berada di atas garis sukar dengan item paling sukar untuk dilakukan oleh responden menurut rakan sebaya mereka adalah “mengelakkan diri dari membuang sampah merata-rata”. Ini diperkuatkan dengan item mereka juga sukar “membuang sampah di tempat yang disediakan.” Malah menurut penilaian rakan, mereka juga sukar “mengutip sampah yang didapati bersepah”. Item memelihara diri daripada “meludah merata-rata” juga berada di atas garis sukar pelaksanaannya. Sementara itu item “membantu memelihara kebersihan dengan menyertai aktiviti gotong royong” juga berada dalam kategori tahap sukar dilaksanakan walaupun ia berada hampir dengan aras mudah pelaksanaannya.

Bagi konstruk adab dan akhlak rakan sebaya terhadap penggunaan harta awam mendapati juga bahawa kesemua itemnya berada di atas garis sukar dilaksanakan. Penilaian rakan sebaya mendapati, rakan sebaya mereka sukar “menutup suis lampu atau kipas selepas digunakan.” Tiga item yang lain turut berada dalam kategori sukar dilaksanakan oleh rakan sebaya walaupun begitu ia berada hampir dengan aras mudah dilaksanakan iaitu item “menggunakan kemudahan awam seperti pondok telefon dengan cermat,” “menggunakan harta awam dengan betul seperti tandas dipam selepas digunakan” serta “menjaga dengan baik harta awam ketika digunakan seperti peralatan sekolah.”

Di samping itu, bagi konstruk adab dan akhlak terhadap penjagaan dan pemeliharaan harta awam, tiga item berada di atas garis sukar dilaksanakan oleh rakan sebaya iaitu “melaporkan segala kerosakan harta awam kepada pihak berwajib,” “mengelakkan diri dari merosakkan harta benda awam” serta item “menutup paip air, lampu dan kipas ketika tidak ada orang menggunakan.”

Terdapat juga item bagi konstruk adab dan akhlak terhadap haiwan di kelompok sukar dilaksanakan oleh rakan sebaya iaitu item “bersifat kasihan belas terhadap haiwan”.

Walau bagaimanapun, menurut rakan sebaya, terdapat konstruk adab dan akhlak terhadap tumbuh-tumbuhan yang mudah dilaksanakan oleh rakan mereka antaranya dalam hal “menjaga dan memulihara pokok dan tumbuhan yang ditanam,” mereka juga “mengelakkan diri dari bersubahat merosakkan tumbuhan.” Malah mengikut rakan sebaya, kebanyakan rakan mereka amat mudah “mengelakkan diri dari mencabut atau merosakkan pokok.” Item ini adalah item yang paling mudah dilaksanakan menurut rakan sebaya mereka.

Bagi konstruk adab dan akhlak terhadap penjagaan dan pemeliharaan harta awam, terdapat dua item yang mudah dilaksanakan oleh rakan sebaya iaitu “mengelakkan diri dari menconteng bangunan dan kemudahan di tempat awam” serta item “mengelakkan diri daripada bersubahat merosakkan harta awam.”

Jadual 6 juga menunjukkan dapatan bahawa rakan sebaya mereka tidak terlibat dalam mencederakan atau memukul haiwan serta bersubahat menyiksa binatang.

Jadual 7 menunjukkan tahap pencapaian adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar. Seramai 16 orang responden yang terdiri daripada 3 lelaki dan 13 perempuan tergolong dalam kalangan pelajar yang amat cemerlang adab dan akhlaknya terhadap alam sekitar. Responden yang paling cemerlang adalah bernombor 4 yang merupakan seorang perempuan. Seramai 15 orang daripada mereka adalah pelajar Sekolah Menengah Berasrama sementara hanya seorang sahaja daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Gambaran keseluruhan tahap pencapaian adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar dapat dilihat daripada Jadual 8.


Daripada Jadual 8, analisis menunjukkan seramai 16 orang (10%) responden dalam kajian ini menunjukkan pencapaian yang amat cemerlang dalam amalan adab dan akhlak terhadap alam sekitar, 13 orang daripadanya adalah perempuan dan 3 orang lelaki. Tahap pencapaian adab dan akhlak terhadap alam sekitar yang berada pada kategori cemerlang adalah seramai 41 orang (25.8%) dengan bilangan responden lelaki seramai 15 orang dan perempuan seramai 26 orang. Bagi tahap pencapaian adab dan akhlak yang berada pada tahap baik merupakan jumlah yang paling ramai 71 orang (44.7%) daripada keseluruhan responden. Bilangan responden lelaki seramai 29 orang dan perempuan seramai 42 orang. Tahap pencapaian adab dan akhlak yang berada pada kategori lemah adalah seramai 25 orang (15.7%) dengan bilangan responden lelaki seramai 17

orang dan perempuan pula seramai 8 orang. Di samping itu, terdapat enam orang daripada responden berada pada tahap amat lemah adab dan akhlaknya terhadap alam sekitar iaitu terdiri daripada lima orang lelaki dan seorang perempuan. Daripada jumlah tersebut responden bermobor 6 yang merupakan

seorang lelaki adalah responden yang paling lemah adab dan akhlak terhadap alam sekitar berdasarkan kedudukan skala kebolehannya di bawah daripada -3 digit.

Jadual 6 Penghayatan responden terhadap akhlak kepada alam sekitar

TABLE 12.2 C:\Users\User\Desktop\Seminar Langkawi ZOU623WS.TXT Jul 25 22:33 2011
INPUT: 159 PERSONS 20 ITEMS MEASURED: 159 PERSONS 20 ITEMS 88 CATS 3.68.2



Jadual 7 Aras adab dan akhlak responden terhadap alam sekitar

TABLE 16. 3 C:\Users\User\Desktop\Seminar Langkawi ZOU585WS.TXT Jul 25 23:43 2011
 INPUT: 159 PERSONS 20 ITEMS MEASURED: 159 PERSONS 20 ITEMS 88 CATS 3. 68. 2

ITEMS - MAP - PERSONS		<rare> <more>					
6	+ T	4P	108L 116P				
5		30P					
4	+ T	35P 16P 43L	54P 31P 37P				
3	+ S	107L 15P	118P 32P 33P	104L 112L	114P	157P	156P
2	+ M	51L 120P 73P 5P 62P 52L 11P 99L 10P	71P 42P 14P 22L 27P 45L 103P 26P	46P 55P 61P 39L 44L 49L 63P 58L	50L 74P 40L 41P	158P 125P	127P 136L
1	X T + XX S	64L 13P 59L 1P 7P 21P 84L 98L 20L 78P 8L 82L 12P 2P 113P	68L 24P 90P 18P 100L 23P 86P 102P 34P 93P 17P 105L 36L 75P 106L	121P 38L 109P 19P 19P 25P 56P 123L 65L 96L 70P 122P 66L 88L 117P	119P 67P 95L 69L 77L	141L 126P 139P 140P 151L	133L 154P 155P
0	XXXX XXXX M+	28L 81P	106L 83L	117P	130P	124P 138P 153P	128L 149L 159P
-1	XX S	9L 3L 97L 48L	57L 29L 47L 60P	85L 47L 79P 76L	80L	145L 131P	134P
-2	+ T	92L 101L				147L 144L	148L 152L
-3	+ T	111P				129P 135L 143L 132L	137P 150L
-4	<frequ> <less>	6L				6 (3.8%) responden amat lemah akhlaknya terhadap alam sekitar	SEK MEN BERASRAMA
							SEK MEN KEBANGSAAN

Jadual 8 Aras pencapaian adab dan akhlak responden terhadap alam sekitar mengikut jantina

Pencapaian	Bilangan		Kekerapan	Peratus
	Lelaki	Perempuan		
Amat Cemerlang	3	13	16	10
Cemerlang	15	26	41	25.8
Baik	29	42	71	44.7
Lemah	17	8	25	15.7
Sangat Lemah	5	1	6	3.8
Jumlah	69	90	159	100

Jadual 9 Aras pencapaian adab/akhlak sek. berasrama

Pencapaian	Kekerapan/Peratus		Jumlah	Peratus
	Lelaki	Perempuan		
Amat Cemerlang	3	12	15	12.2 %
Cemerlang	14	22	36	29.3 %
Baik	22	34	56	45.5 %
Lemah	12	2	1	11.4 %
Amat Lemah	1	1	2	1.6%
Jumlah	52	71	123	100%

Jadual 9 dan 10 merupakan gambaran pencapaian adab dan akhlak responden mengikut jenis sekolah. Daripada 123 orang responden yang mewakili Sekolah Menengah Berasrama, berada pada aras kedudukan amat cemerlang adab dan akhlak terhadap alam sekitar adalah seramai 15 orang (12.2%) iaitu responden perempuan seramai 12 orang dan responden lelaki seramai 3 orang. Diikuti dengan aras cemerlang adab dan akhlak responden terhadap alam sekitar seramai 36 orang (29.3%) dengan 14 lelaki dan 22 perempuan. Daripada jadual di atas juga menunjukkan aras baik adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar dengan 56 pelajar (45.5%) dengan 22 lelaki dan 34 perempuan. Sementara 14 orang (11.4%) pelajar yang terdiri daripada 12 lelaki dan 2 perempuan memiliki tahap adab dan akhlak yang lemah terhadap alam sekitar. Terdapat 2 (1.6%) pelajar yang terdiri daripada seorang lelaki dan seorang perempuan berada pada aras yang sangat lemah.

Jadual 10 Aras pencapaian adab/akhlak sek. men. keb. (harian)

Pencapaian	Kekerapan/Peratus		Jumlah	Peratus
	Lelaki	Perempuan		
Amat Cemerlang	-	1	1	2.7
Cemerlang	1	4	5	13.9
Baik	7	8	15	41.7
Lemah	5	6	11	30.6
Amat Lemah	4	-	4	11.1
Jumlah	17	19	36	100%

Sementara itu, daripada 36 orang pelajar yang mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan harian, terdapat seorang pelajar berada pada aras kedudukan adab dan akhlak yang amat cemerlang terhadap alam sekitar. Bilangan pelajar yang mencapai aras cemerlang adab dan akhlak mereka terhadap alam sekitar hanya 5 orang (13.9%) dengan 1 lelaki dan 4 perempuan. Daripada jadual di atas juga menunjukkan seramai 15 pelajar (41.7%) berada pada aras baik adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar dengan 7 pelajar lelaki dan 8 perempuan. Sementara 11 orang (30.6%) pelajar yang terdiri daripada 5 lelaki dan 6 perempuan memiliki tahap adab dan akhlak yang lemah terhadap alam sekitar. Terdapat empat

pelajar (11.1%) kesemuanya lelaki berada pada tahap amat lemah adab dan akhlak terhadap alam sekitar.

■8.0 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan daripada kajian ini memperlihatkan bahawa tahap pencapaian adab dan akhlak pelajar terhadap alam sekitar berada dalam tahap yang baik dan cemerlang. Bagaimanapun seramai 31 pelajar (19.5%) masih berada pada tahap yang lemah dan amat lemah dalam amalan dan penghayatan adab serta akhlak mereka terhadap alam sekitar.

Pelajar daripada Sekolah Berasrama mengungguli pencapaian adab dan akhlak terhadap alam sekitar dengan 87% pelajar berada di aras baik dan cemerlang berbanding Sekolah Menengah Kebangsaan harian sebanyak 68.2%. Hanya 13% pelajar berada di tahap lemah adab dan akhlak terhadap alam sekitar di Sekolah Berasrama berbanding 31.8% di Sekolah Menengah Kebangsaan harian.

Secara umumnya, kajian menunjukkan tidak ada sub konstruk adab dan akhlak terhadap alam sekitar yang berada di luar dari logit 2 dan -2 yang menunjukkan amat sukar pelaksanaan atau amat mudah. Bagaimanapun, terdapat dua konstruk yang agak dominan berada dalam tahap agak sukar pelaksanaannya oleh pelajar. Konstruk penjagaan kebersihan persekitaran dan penjagaan harta awam berada dalam kelompok ini. Bagi konstruk penjagaan kebersihan persekitaran, kelima-lima item berada dalam kategori aras sukar. Item paling sukar untuk dilakukan oleh pelajar menurut rakan sebaya mereka adalah “mengelakkan diri dari membuang sampah merata-rata”. Diikuti dengan item “membuang sampah di tempat yang disediakan” dan item “mengutip sampah yang didapat bersepelep”. Item “memelihara diri daripada meludah merata-rata” juga berada pada aras sukar pelaksanaannya. Sementara itu item “membantu memelihara kebersihan dengan menyertai aktiviti gotong royong” juga berada dalam kategori tahap sukar dilaksanakan walaupun ia berada hampir dengan aras mudah pelaksanaannya.

Bagi mereka yang memiliki akhlak terpuji, amalan kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Mementingkan aspek kebersihan, memiliki sifat terpuji dengan memastikan persekitaran dirinya sentiasa bersih, tidak membuang sampah apatah lagi meludah merata-rata. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah yang bermaksud:

“Allah S.W.T. adalah Maha Indah dan Dia menyukai keindahan. Allah S.W.T. adalah Maha Bersih dan menyukai kebersihan. Allah Maha Pemurah dan menyukai kemurahan, Maha Dermawan dan menyukai kedermawanan. Oleh kerana itu hendaklah kamu membersihkan halaman rumah kamu dan janganlah meniru orang-orang Yahudi.”

Hadir riwayat al-Tirmizi

Memungut sampah, membuang dari jalanan agar bersih dan tidak mencecahkan pandangan juga adalah sifat terpuji. Hadis Rasulullah yang bermaksud:

“Setiap langkah dalam perjalanan menuju masjid untuk menunaikan solat akan memperoleh pahala sedekah dan penyikiran gangguan di jalan juga memperoleh pahala sedekah.”

Hadir riwayat al-Bukhari

Begitu juga dengan keterangan hadis yang bermaksud:

“Iman itu memiliki tujuh puluh cabang atau enam puluh cabang, cabang paling utama adalah ucapan laa ilaaha illallah dan cabang paling rendah adalah membuat sesuatu yang mengganggu dari jalan dan rasa malu termasuk salah satu cabang keimanan.”

Hadir riwayat Ahmad

Sifat menjaga kebersihan terhadap alam sekitar perlu sentiasa dipupuk agar ianya menjadi amalan hidup pelajar Muslim. Ia juga adalah sebahagian daripada indikator keimanan seseorang.

Bagi konstruk penjagaan harta awam, terdapat dua item yang mudah dilaksanakan oleh rakan sebaya iaitu mengelakkan diri dari menconteng bangunan dan kemudahan di tempat awam serta item mengelakkan diri daripada bersubahat merosakkan harta awam. Ini menyokong dapatan Azhar (2006), yang menjalankan kajian ke atas 990 responden tingkatan 4 di sekolah-sekolah menengah di Sarawak iaitu penghayatan akhlak responden berada pada tahap tinggi dalam memelihara harta awam dengan min 4.57. Hal ini selari dengan kenyataan Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr We Ka Siong yang melaporkan sepanjang tahun 2010, sebanyak 5,212 kes vandalisme yang melibatkan pelajar telah dilaporkan di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia atau sekitar 2 peratus sahaja (Utusan Malaysia, 27hb Disember 2010). Bagaimanapun dapatan ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Noor Roazana Ishak (2010) di sebuah sekolah di Kuala Lumpur yang mendapati, seramai 34 peratus pelajar daripada 50 responden, suka menconteng harta benda sekolah.

Dari segi penggunaan harta awam, terdapat tiga item yang menghampiri kategori mudah dilaksanakan iaitu item “menggunakan kemudahan awam seperti pondok telefon dengan cermat”, “menggunakan harta awam dengan betul seperti tandas dipam selepas digunakan” serta “menjadanya dengan baik harta awam ketika digunakan seperti peralatan sekolah”. Hal ini menyokong dapatan Azhar (2006) yang mendapati responden berhemat dalam menggunakan harta awam dengan min 4.14. Hal ini dapat dilihat hasil dapatkan kajian Kementerian Pelajaran Malaysia untuk tempoh sepanjang tahun 2007, hanya sebanyak 3,240 kes kesalahan laku musnah seperti merosakkan kemudahan awam dicatatkan di seluruh sekolah di Malaysia. Walaupun jumlah kes dianggap rendah, namun ia tetap dianggap sebagai isu yang perlu ditangani secara serius (KPM, 2008).

Memelihara dan menjaga harta awam serta menggunakan sebaiknya adalah tuntutan agama ke arah kehidupan yang baik dan direday Allah. Ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepada-Nya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dikabulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik.”

(Surah al-A'raf, 7:56)

Menjauhkan diri dari melakukan kerosakan dan pencemaran terhadap alam sekitar akan menjauhkan dari kerosakan dan kemusnahan terhadap alam. Hal ini sudah barang tentu akan menjauhkan daripada kemurkaan Allah dan terhindar daripada azab-Nya. Firman Allah yang bermaksud:

“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).”

(Surah al-Rum, 30:41)

Bagi konstruk adab dan akhlak terhadap tumbuhan dan haiwan, mengikut penilaian rakan sebaya, hampir kesemua item berada pada paras mudah dilaksanakan oleh rakan mereka. Antaranya, item menjaga dan memulihara pokok dan tumbuhan yang ditanam, item mengelakkan diri dari bersubahat merosakkan tumbuhan. Malah mengikut rakan sebaya, kebanyakan rakan mereka amat mudah mengelakkan diri daripada mencabut atau merosakkan pokok. Item ini adalah item yang paling mudah dilaksanakan menurut rakan sebaya mereka. Begitu juga adab dan akhlak terhadap haiwan, di mana menurut rakan sebaya, responden tidak terlibat dalam mencederakan atau memukul haiwan serta bersubahat menyiksa binatang. Ini bertepatan dengan larangan Allah daripada menyiksa binatang dan merosakkan tumbuh-tumbuhan. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan apabila ia berpaling (dari kamu), ia berjalan di bumi untuk mengadakan kerosakan padanya, dan merosak tanaman dan binatang ternak, dan Allah tidak menyukai kebinasaan.”

(Surah al-Baqarah, 2:205)

Walau bagaimanapun sifat prihatin ketika menggunakan harta awam masih perlu ditingkatkan dalam kalangan responden kerana masih terdapat item yang berada di atas kategori agak sukar dilaksanakan. Antaranya item menutup suis lampu atau kipas selepas digunakan, melaporkan segala kerosakan harta awam kepada pihak berwajib, mengelakkan diri dari merosakkan harta benda awam serta item menutup paip air, lampu dan kipas ketika tidak ada orang menggunakannya.

■9.0 PENUTUP

Rumusannya, kajian mendapati masih terdapat 19.5% daripada pelajar yang memiliki tahap pencapaian akhlak terhadap alam sekitar yang berada di bawah tahap pencapaian lemah. Jumlah ini memperlihatkan masih ramai dalam kalangan pelajar yang tidak prihatin terhadap akhlak terhadap alam sekitar. Akhlak adalah cerminan kehidupan beragama dalam kalangan setiap orang Islam. Kegagalan memelihara akhlak membawa makna tahap penghayatan beragama juga rendah.

Rujukan

- Abu Dawud, al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Ashath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abi Dawud*. Jil. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Amin. 1974. *Kitab al-Akhlag*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ahmad bin Hanbal, al-Imam Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hanbal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Juz 3. 1-12. Mesir: Dar al-Maarif.
- Ahmad Munawar Ismail. 2009. *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aiken, L. R. 2000. *Psychological Testing and Assessment*. Edisi ke-8. Boston: Allyn and Bacon.
- Akbariah Mohd Mahdzir. 2009. *Penerokaan Ciri-Ciri Psikometrik Instrumen Pentaksiran Pemikiran Kritis Malaysia dan Model Pemikiran Kritis Malaysia*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Bukhari, al-Imam Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim ibn al-Mughirah bin Bardazbah al-Jafi. 1994. *Sahih Al-Bukhari* (Tahqiq: Shaikh 'Abd al-Aziz 'Abdullah) Jil 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Tirmidzi, Mohammad Isa bin Surah. 1993. *Sunan At-Tirmidzi*. Jil.3. Terj. Drs H. Mohd Zuhri. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bond, T. G. & Fox, C. M. 2007. *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Ed. Ke-2. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers London.
- Cohen, R. J. & Swerdlik, M. E. 2002. *Psychological Testing and Assessment: An Introduction to Test and Measurement*. Ed. ke-5. Boston: McGraw-Hill.
- Elton, L. and Johnston, B. 2002. *Assessment in Universities: A Critical Review of Research*. York: Higher Education Academy.
- Fadhilah, A. Halim & Muhamad A. Shahbudin 1999. *Asas-asas Pembentukan Akhlak Mulia*. Jababersa: Johor Bahru.
- Fathi Yakan. 1992. *Apa Erti Saya Menganut Islam*. Terj. Alias Othman. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Fox, C. M. & Jones, J. A. 1998. Uses of Rasch modeling in counselling psychology research. *Journal of Counseling Psychology*, 45(1):43-48.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1997. *Al-Munqidh min al-Dalal*. Terjemahan Inggeris oleh R. Mc Carthy. *Freedom and fulfilment*. Boston: Twayner Publisher.
- Al-Ghazali, Muhammad. 2005. *Akhlaq Seorang Muslim*. Terj. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Ibn Qudamah, Muhammad Abdullah bin Ahmad. 1985. *Al-Mughni*. 11 jil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibrahim Mohamed Zin. 2007. *Membina dan Mengesahkan Instrumen Pentaksiran Kecerdasan Pelbagai*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin dan Usman Said. 1994. *Filsafat Pendidikan Islam: Konsep dan Perkembangan Pemikiran*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2008. Bahagian Pendidikan Islam dan Moral.
- Al-Kaysi, Marwan Ibrahim. 1997. *Adab Sopan dan Budi Pekerti dalam Islam*. Terj. Hussin Salamon dan Mohd Nasir Ripin. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Linacre, J. M & Wright. 1999. Investigating rating scale category utility. *Journal of Outcome Measurement*, 3(2): 103-122.
- Linacre, J. M. 2007. *A User's Guide to WINSTEPS Rasch Model Computer Programs*. Chicago: MESA Press.
- Misnaw Jemali. 2008. *Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad B Muhammad @ Toh Kee Leng. 2006. Kerosakan dan Kecacatan Binaan Sekolah. Projek Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Pengurusan Pembinaan) Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.
- Mohd Nasir Omar. 2005. *Akhlaq dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairi al-Naisaburi. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiyah.
- Nitko, A. J. 2003. Alternative Assessment in Teaching and Learning. Ucap utama dalam *2nd International Conference on measurement and evaluation in education*. Pulau Pinang, 27-30 Ogos.
- Noor Roazana Ishak. 2010. *Kecenderungan Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Taman Tasek Melakukan Vandalmisme*. Laporan Kajian Projek Sarjana Muda. Universiti Putra Malaysia.
- Othman Mohamed. 2000. *Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan dalam Kaunseling*. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Al-Qaradhawi, Yusof. 1980. *Pendidikan Islam dan Madrasah Hasan al-Banna*. Terj. Bustami A.Gani & Zainal Abidin Ahmad. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Ridwan Asy-Syirbaany. 2001. Membentuk Peribadi Lebih Islami (Satu Kajian).
- Ulwan, Abdullah Nasih. 1989. *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Utusan Malaysia (2010, 27hb Disember). *Masalah Disiplin Pelajar Menurun*.
- Zaharah Hussin. 2008. Pembinaan Kandungan Kurikulum Pendidikan Akhlak untuk Latihan Perguruan Pendidikan Islam. Tesis Ph.D UKM Bangi.